

**BENTUK PAKAIAN TRADISIONAL
WANITA MELAYU
DI PULAU PINANG**

Azlifah bt. Abdul Razak

Diploma In Fashion Design
Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
I.T.M., Shah Alam
Selangor. Darul Ehsan.

Penghargaan

Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan keizinan serta taufik dan hidayahNya dapat memudahkan saya menyiapkan tesis yang bertajuk Bentuk Pakaian Tradisional Wanita Melayu di Pulau Pinang ini.

Pada peringkat awal semasa menjalani kajian serta penyelidikan bentuk pakaian ini saya terpaksa menghadapi rintangan serta cabaran yang kadangkalanya membuatkan saya tidak dapat meneruskan penyelidikan tersebut. Tetapi kerana memikirkan ianya adalah tanggungjawab serta amanah yang harus di sempurnakan maka saya terpaksa menolak tepi semua cabaran dan halangan-halangan yang menimpa.

Sebagaimana yang di ketahui umum, tidak ada jalan mudah untuk kita mencapai kejayaan atau mengaut keberhasilan tanpa bersusah payah terlebih dahulu. Begitu jugalah saya yang terpaksa menyusun waktu yang sesuai untuk melakukan kerja-kerja luar seperti mengambil gambar pakaian di pusat khazanah budaya, menemuramah serta meminta pendapat individu-individu yang arif di dalam seni budaya dan pakaian.

Betapa perit dirasakan apabila hampir setiap hari dan setiap minggu saya terpaksa membuat penyelidikan. Setelah lebih 4 bulan bertungkus lumus maka akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian ini.

Pada pengamatan saya masalah utama yang di hadapi adalah kekurangan bahan yang diperlukan. Walau bagaimanapun saya berterimakasih kerana masih ada pihak yang sudi menolong serta memberi kerjasama di dalam menyiapkan kajian dan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada keluarga yang membantu dari segi item (koleksi pakaian) sokongan moral serta galakan yang membina.

Di sini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terimakasih kepada

- Ibu bapa serta keluarga saya
- Pihak Muzium Negara, Muzium Negara Malaysia.
- Pihak Muzium Negeri Selangor, Selangor Darul Ehsan.
- Pihak Arkib Negara.
- Pihak Bahagian Kebudayaan, Bangunan Bakti Siswa
Universiti Malaya.
- Pihak Infokraft
- Karyaneka
- Pihak Kementerian Kebudayaan Pelancongan dan Kesenian
- Pihak Muzium Negeri P.Pinang
Muzium Negeri dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang.

Kepada individu serta tokoh kebudayaan seperti :

- Puan Azah Aziz
- En. Zubir Ali
- Pn. Zubaidah Syawal
- Pn. Sumidah Shamsuddin

Penasihat yang terdiri dari Pn. Ong Siew Hwa serta Cik Kalsom Muda
(Ketua Kursus Dip. In Fasion Design)

Terima kasih kepada semua pihak yang disebutkan di atas. Di sini, saya berharap tesis ini dapat memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukannya di masa hadapan, sekurang-kurangnya kepada mereka yang ingin mengetahui serba sedikit tentang pakaian tradisi wanita Melayu Pulau Pinang. Di kesempatan ini saya merakamkan peribahasa yang tidak lapuk ditelan zaman iaitu :

Sinopsis

Tujuan

Sebagai anak jati Pulau Pinang, saya merasa bertanggungjawab untuk membuat pengkajian tentang "Bentuk Pakaian Tradisional Wanita Melayu di Pulau Pinang", memandangkan pendokumentasian di dalam bidang tersebut tidak pernah dibuat sebelum ini.

Tidak dinafikan, terdapatnya inisiatif di kalangan penulis tanahair yang cuba menyingkap sejarah, budaya dan rekabentuk pakaian tradisi ini, tetapi malangnya ia lebih berbentuk umum dan menyeluruh. Agak mendukacitakan kerana sehingga kini belum ada pengkajian yang mendalam mengenai pakaian masyarakat Melayu Pulau Pinang. Faktor inilah yang mendorong saya untuk memilih tajuk tesis berkenaan sebagai bahan penyelidikan.

Tokoh-tokoh budayawan negara seperti Puan Azah Aziz, Siti Zainon Ismail, Norwani Nawawi serta Zubaidah Syawal (sekadar menyebut beberapa nama) tidak jemu-jemu menyingkap tentang kehalusan serta keindahan seni berpakaian di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia ini.

Sebagaimana di ketahui umum, Pulau Pinang dan budayanya lahir hasil dari percampuran budaya dalam dan luar di samping kesan-kesan percikan budaya yang ditinggalkan oleh bekas penjajah.

JADUAL ISI KANDUNGAN

Muka Surat

- Penghargaan	v
- Sinopsis	viii
- Pendahuluan	1
- Hipotesis	5

BAB 1

- Pulau Pinang seimbias lalu	7
- Peta Negeri Pulau Pinang	8
- Asal usul nama Pulau Pinang	9

BAB 2

Bentuk Pakaian Tradisional

a) Baju Kurung	10
i) Baju Kurung Teluk Belanga	10
ii) Baju Kurung Cekak Musang	14
iii) Baju Kurung Kedah	17
b) Baju Kebaya	
i) Baju Kebaya labuh	21
ii) Baju Kebaya Pendek/Bersulam	26
iii) Baju Kebaya Kota Baru	32
iv) Baju Kebaya Nyonya Peranakan	35

BAB 3

..Pengaruh Asing dalam Pakaian tradisi tempatan	
Pengaruh Cina	43
Pengaruh India	44